

## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 10 RABU 5 MACH, 1969 1388 دايو 15 ذو الحجه PERCHUMA

### *Pergerakan2 belia luar negeri yang tidak patut di-ambil chuntoh*

SERIA — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail telah mengingatkan seluruh belia2 di-negeri ini supaya mengkaji dengan sedalam2-nya pada menchuntohi pergerakan belia2 di-negara2 Asia.

Ketika beruchap di-majlis pementasan Majlis Belia2 Negeri Brunei yang berlangsung di-Dewan Maktab Anthony Abell di-sini pada malam hari Sabtu lepas, Pengiran Dato Paduka Momin berkata:

"Gerakan belia2 di-Asia ada yang tidak patut di-jadikan chuntoh dan sesuai untuk negeri ini seperti mengadakan tunjok2 perasaan yang mendatangkan kerugian kapada masyarakat dan merosakkan keamanan dan ketenteraman negara."

Beliau menjelaskan bahawa banyak lagi aspek2 yang lain yang di-jalankan oleh belia2 di-negara2 itu yang tidak sesuai di-chuntoh oleh pergerakan belia di-negeri ini.

Dalam pada itu beliau tidaklah menafikan akan kebaikan-nya pada menchuntohi pergerakan2 yang bertujuan untuk kebajikan masyarakat dan kebaikan negara.

Kata - nya, kita memang mengalu2kan kesukaan belia2 tanah ayer yang telah menumpukan perhatian mereka pada menchuntohi pergerakan2 belia yang lain, tetapi hendaklah terlebih dahulu di-kaji dengan semasaki2-nya supaya apa yang akan di-laksanakan itu sentiasa membawa unsur2 kebajikan dan sesuai dengan keadaan negara kita.

Pengiran Dato Paduka Momin berharap supaya pehak Majlis Belia2 Negeri Brunei akan dapat menyusun pergera-

kan belia2 dengan menurut peraturan2 negeri dan janganlah saperti yang terjadi di-negeri2 lain.

Beliau mengingatkan baha-wa pergerakan belia hendaklah di-lakukan sa-chara yang sederhana dan bijaksana.

Terdahulu dari itu beliau telah menguchapkan tahniah terhadap pergerakan2 belia tanah ayer di-bawah pimpinan MBB yang telah menunjukkan pergerakan2 mereka yang sehat dan berguna untuk masyarakat dan negara.

Kata - nya, sa-jauh ini perkhidmatan belia ada-lah merupakan satu sumbangan yang besar arti-nya kapada Kerajaan dan menjadi harapan baik kapada Negeri Brunei pada masa hadapan.

Beliau berharap supaya Bahagian Kesenian dan Kebudayaan Majlis Belia2 Negeri Brunei akan memperluaskan perkhidmatan-nya terhadap perkembangan kebudayaan di-negeri ini khas-nya terhadap usaha menimbulkan kebudayaan yang maseh lagi terpendam.

Usaha itu, kata - nya, adalah wajar di-laksanakan dengan segera untuk di-ketahui oleh raayat terutama angka-

tan2 baru di-samping untuk di-perkenalkan kapada pelawat2 dari luar negeri.

Turut juga memberikan uchapan di-malam pementasan anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei itu ia-lah Setia Usaha Agong MBB, Awang Ya'akub bin Ahmad yang menerangkan serba sedikit projek2 yang akan di-laksanakan oleh MBB pada masa2 yang akan datang.

Di-antara jemputan khas yang hadir termasuk-lah Ahli Majlis Mashuarat Negeri, Yang Berhormat Pengiran Md. Yusof bin Pengiran Abu Bakar, Yang Di-Pertua MBB, Yang Di-Muliakan Pe h in Orang Kaya Laila Wangsa Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, pegawai2 MBB dan pegawai2 Kerajaan.

Malam pementasan kerana tabong MBB itu telah berjaya mengutip lebuh dari \$600.00 hasil dari penjualan2 tiket.

Dua buah drama purba dan roman sejarah telah di-pentaskan ia-itu "Mahkota Berdarah" Karya Mohammad Haji Serudin, Brunei dan "Dewi Ratna" karya Usman Awang, Malaysia.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan bersama2 dengan beribu2 raayat Baginda telah bersembahyang Hari Raya Haji di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Jumaat lepas.

Di-antara pembesar2 yang menyertai Baginda ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Sultan Paduka Duli2 Wazir, Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof dan Yang Amat Mulia Cheteria2.

Beribu2 orang Islam juga bersembahyang Hari Raya Haji di-masjid2 di-seluruh negeri.

Gambar atas menunjukkan orang ramai sedang berebut2 untuk menziarahi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan sa-lepas Baginda menunaikan sembahyang Hari Raya Haji.





## Dua buah asrama untuk tiga buah sekolah

**BANDAR BRUNEI.** — Pembinaan dua buah asrama bagi penuntut2 lelaki dan perempuan sekarang ini sedang dijalankan berhampiran dengan Sekolah Melayu Pusar Ulak di-Bandar Brunei.

Asrama2 tersebut ada-lah bagi menempatkan penuntut2 dari Sekolah Menengah Melayu Pertama, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri yang sekarang ini semakin bertambah.

Kedua2 buah asrama tersebut boleh menampung 300 orang penuntut.

Ia-nya akan mempunyai bilek rehat, tempat makan, dapur, tempat menyuchi, rumah2 bagi penjaga2 dan lain2 kemudahan.

Rumah2 untuk 16 orang guru juga akan di-sediakan di-tiap2 blok asrama tersebut.

Pembinaan kedua2 buah asrama itu menelan belanja lebih dari \$1.33 juta dan ia-nya di-jadualkan siap dalam bulan Februari tahun hadapan.

## Bilek bachaan pindah

**KUALA BELAIT** — Bilek Bachaan Penyiaran dan Penerrangan di-Kuala Belait telah berpindah ka-Bangunan Dewan Kemasyarakatan yang baru di-Kuala Belait.

Bekas bilek bachaan itu akan di-jadikan Pusat Belia di-Daerah Belait untuk melanjutkan kegiatan2 persatuan mereka.

## EMPAT ORANG LULUS PEPEREKSAAN H. S. C.

**BANDAR BRUNEI.** — Empat orang chalun — dua dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan dua chalun private — telah lulus dalam peperiksaan Sijil Persekutuan Tinggi yang telah di-adakan dalam bulan November tahun lalu.

Mereka ia-lah Awang Metusin bin Umar dan Awang Sapawi bin Bolhassan dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Awang Chiang Sook Chen dan Awang Ibrahim bin Lamat chalun private dari Bandar Brunei.

Sa-ramai 48 orang telah mengambil peperiksaan tersebut. Tiga puluh tiga orang daripada mereka telah mendapat Sijil Pelajaran Am (G.C.E.). Sa-belas orang chalun telah gagal.

Keputusan penoh ada-lah seperti berikut:

### Maktab S.O.A.S.

Abu Bakar bin Haji Apong, G.C.E. (1 P.L., 3 S.L.); Abd. Majid bin O.K.S. Hj. Abd. Rahim, G.C.E. (1 P.L., 1 S.L.); Ahmad bin Matnor, G.C.E. (4 S.L.); Ak. Ibrahim bin Pg. Hj. Jadiq, G.C.E. (2 P.L., 1 S.L.); Ak. Julaihi bin Pg. Othman, G.C.E. (1 P.L., 2 S.L.); Alamin bin Hj. Hanafiah, G.C.E. (1 P.L., 1 S.L.); Hassanul Asshari bin Hj. Jamil, G.C.E. (1 S.L.); Hassanudin bin Ahmad Yunos, G.C.E. (1 S.L.); Ibrahim bin Mummin G.C.E. (2 S.L.); Irene Keasberry, G.C.E. (1 P.L., 3 S.L.); Joseph Hiew Fuk Ki, G.C.E. (3 S.L.); Lim Jock Beng, G.C.E. (1 S.L.); Lim Sui Bee, G.C.E. (1 S.L.).

Misli bin Hj. Awg. Tuah, G.C.E. (1 P.L., 1 S.L.); Mohd. Daud bin Hj. Abd. Aziz, G.C.E. (1 S.L.); Mohd. Jaafar bin Abdul Aziz, G.C.E. (1 S.L.); Mohd. Sammin bin Zakaria, G.C.E. (2 S.L.); Moradih bte. Jackia, G.C.E. (2 S.L.); Muhammad Yussof bin Ismail, G.C.E. (3 S.L.); Nawawi bin Abang Razali, G.C.E. (4 S.L.); Robert Keasberry, G.C.E. (1 S.L.); Soudari Somasundaram, G.C.E. (1 S.L.).

**Chalun Private, Bandar Brunei.** Abd. Rahman bin Metali, G.C.E. (1 P.L.); Afsah bte. Md. Yusuf, G.C.E. (2 P.L.); Ahmad bin Salim, G.C.E. (1 S.L.); Aisah bte.

Md. Yusuf, G.C.E. (1 P.L.); Na-fisah bte Hj. Ali, G.C.E. (1 S.L.); Robert Lee Fook Ping, G.C.E. (3 S.L.); Syed Ahmad Fadzlulah bin Ali, G.C.E. (1 P.L., 2 S.L.).

### Chalun Private, Seria.

Chua Liang Moi, G.C.E. (2 S.L.); Chua Yun Choo, G.C.E. (1 S.L.); Lucy Liang Yun Leng, G.C.E. (1 P.L., 1 S.L.); Woo Sok Ho, G.C.E. (2 S.L.).

Puan Adair, isteri Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei Awang A.R. Adair — selaku Yang Di-Pertua Persatuan Pandu Puteri, (di-tengah) Negeri Brunei sedang memeriksa barisan yang terdiri dari pandu puteri di-Bandar Brunei dalam upacara memperingati hari tertuboh-nya pergerakan Pandu Puteri yang telah di-adakan di-Bandar Brunei baru2 ini.

Lain2 dalam gambar (dari kiri) ia-lah Dayang Malathi Somasunderam, Setia Usaha Persatuan Pandu Puteri, Dayang Mahani bte Abdul Latif, Pesurohjaya Pandu Puteri Daerah Brunei dan di-belakang sekali ia-lah Dayang Hilda Au, Penolong Pesurohjaya.

## Kerajaan sentiasa memberikan bantuan kpd. persatuan2 belia

**BUNUT.** — Pesurohjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri berkata, kerajaan sentiasa memberikan apa juga jenis bantuan yang di-perlukan oleh persatuan2 belia di-negeri ini jika bantuan itu boleh mendatangkan faedah kepada masharakat dan negeri.

Awang Salleh berkata demikian ketika merasmikan mashuarat agong Ikatan Persatuan Belia Bunut bertempat di-rumah Awang Abu Bakar bin Haji Halus pada hari Ju-mat lepas.

Beliau berkata, salah satu tujuan kerajaan menggalakkan tumboh-nya persatuan2 belia di-negeri ini ia-lah untuk mencipta satu masharakat yang hormat menghormati satu sama lain dan mengujudkan keamanan, ketenteraman yang dinamis.

Awang Salleh juga menyeru kapada semua persatuan belia supaya menggunakan Pusat Belia di-Bandar Brunei yang hampir2 siap itu untuk melanjarkan semua kegiatan2 persatuan mereka.

Pesurohjaya Kebajikan itu juga memberikan tahniah kepada Ikatan Persatuan Belia Bunut dalam usaha mereka membeli sa-buah bas untuk mengangkut kanak2 sekolah dan mendirikan sa-buah kedai sharikat kerjasama di-

kampong itu.

Turut memberikan uchapan di-majlis itu ia-lah Yang Di-Pertua persatuan tersebut, Awang Abdullah bin Haji Halus.

Terdahulu sa-belum itu, majlis telah berdiri ‘bertafakor’ sa-lama sa-minit kerana mengingatkan kemangkatan Al-Marhorn Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Di-Gadong Sahibol Mal yang telah mangkat pada 22 Februari yang lalu.

## Membakar merchun boleh di-hukom

**BANDAR BRUNEI.** — Pegawai Pemerintah Puisi Daerah Brunei/Muara telah mengingatkan orang ramai bahawa Undang2 Dharurat yang di-kuafkuasakan di-negeri ini ada-lah mela-rang membakar merchun atau lain2 letupan2.

Kata-nya, s-a-s-i-a-pa yang di-dapati membakar merchun dan lain2 letupan saperti itu boleh di-hadapkan ka-mahkamah.

# Penyakit yang menghinggapi sa-bahagian pemelok2 Ugama Islam yang semakin tenat

DISATENGAH2 negara Islam yang pendidekan-nya telah dapat di-pengarohi oleh musoh2 Islam atau pun pelajar2 Islam yang belajar di-luar negeri-nya yang terpengaroh atau di-pengarohi oleh musoh2 Islam, telah terdapat satu angkatan yang sa-akan2 merasa malu bahawa diri mereka itu termasuk dalam gulongan Islam dan sa-olah2 mereka itu merasa agak gan-jil apabila di-pandang orang yang mereka mendirikan she'ar Islam, khasnya gulongan yang mempunyai pe-nagaroh dan memegang tampok pem-rentahan.

Menurut sa-orang Islam di-Mesir bernama Mohammad Al-Ghazali bahawa sa-bahagian daripada mereka itu suka di-pandang orang, mereka keluar daripada pintu2 bar dan mereka tidak suka apabila di-pandang orang mereka melangkah kaki keluar daripada masjid.

Penyakit yang di-hadapi oleh sa-bahagian negara Islam saperti ini, telah menimbulkan kesan yang burok kapada Uga-ma Islam dan kapada pemelok2 yang setia kerana gulo-nungan2 yang di-hinggapi penyakit itu kadang2 tertanya2 mengapa minuman arak itu di-haramkan pada hal ada fa-e-dah-nya kapada kesihatan — mengapa judi di-haramkan, pada hal ia mendatangkan ke-untongan dan kesukaan — mengapa perhubungan jenis sa-belum bernikah di-haramkan pada hal kedua belah pehak melakukan-nya dengan penoh keredhaan dan mereka merasa aneh perbuatan saperti itu di-namakan zina, yang anehnya pula mereka memburok2-kan Ugama Islam kerana mengharuskan berkawin lebih dari satu, sungguhpun pengharusan itu tertaklok ka-

pada sharat2 yang tertentu, pada hal pelachoran terlalu burok akibat-nya, jika di-bandtingkan harus-nya kah-win lebih dari satu, dengan ada-nya pelachoran tentu-lah nampak bahawa Ugama Islam itu terlalu agong dan tinggi mutu-nya.

Ada pula di-antara-nya yang mensifatkan sembahyang lima waktu itu semata2 membuatng masa dan peringatan yang selalu di-berikan oleh tukoh2 Ugama berhubung hari Kiamat dan dunia akhirat, mereka si-fatkan sa-bagai perchakapan ketinggalan zaman.

Dan salah satu modal mu-soh2 Islam untuk memburok2-kan Ugama Islam dan pemelok-nya ia-lah kemunduran ne-gara2 Islam sendiri di-zaman ini, sa-hingga terdapat kata2 mengapa orang2 Islam maseh berpegang dengan Ugama me-reka pada hal dunia barat te-lah berjaya meledakkan bom atom dan meneroka ka-ang-kasa lepas, sepatut-nya orang2 Islam jangan-lah lagi meng-ingatkan2 sejarah kegemilang-an mereka, sepatut-nya orang2 Islam hendak-lah meninggal-

kan nilai2 akhlak dan tata ter-bit menurut ajaran Ugama me-reka, apa lagi sekarang ini ke-banyakannya keperluan2 Negara Islam di-datangkan bukan dari Negara Islam.

Penyakit yang menghinggapi sa-bahagian daripada pemelok2 Ugama Islam sekarang ini sangat-lah tenat. Negara2 Islam di-seluruh Dunia hen-dak-lah menyedari dengan sunggoh2 akan penyakit yang menghinggapi sa-bahagian daripada pemelok2 Ugama Islam itu, kerana kalau di-biarkan ia akan melerat dan merebak serta di-takutkan akibat-nya sa-perti kata orang tua2. "Lam-bat buaya, aying pula yang me-lemaskan."

Mudah2an Negara Brunei Darul Salam ini di-jauhkan Al-lah daripada penyakit yang sa-perti itu dan pemelok Ugama Islam di-negara ini taat kepada titah perentah Allah, dalam pada itu usaha2 hendak-lah di-jalankan dengan penoh tang-



gong jawab dan kerjasama an-tara semua pehak.

Salah satu lapangan yang amat berkesan ia-lah dalam bi-dang pendidekan dan perseko-lahan. Andai-nya anak2 kita ti-dak di-dike dari sekarang supaya mereka itu mengetahui dan mengamalkan dengan sem-purna-nya akan ajaran2 Islam, maka sangat-lah di-takuti ang-katan yang akan datang meru-pakan orang2 yang hanyut da-lam arus kemajuan zaman se-karang ini dengan tidak ada pegangan yang kukoh, sedang-kan pegangan yang kukoh itu ia-lah Ugama mereka dan ke-budayaan mereka.

Oleh yang demikian, hen-dak-lah di-sedari akan penting-nya pelajaran ugama dan pendidekan serta asuhan dalam bidang Ugama, maka, ada-lah di-serukan supaya kita menye-diakan payung sa-belum hujan, kerana sesal kemudian tidak berguna dan jangan-lah nanti timbul ratapan di-kemudian hari bahawa bukan salah ibu menggandong, memang sudah chelaka badan.

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 5 Mac, 1969 hingga ka-hari Selasa 11 Mac, 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
5 Mac		12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
6 Mac		12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-14	6-29
7 Mac		12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-14	6-29
8 Mac		12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-14	6-29
9 Mac		12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-14	6-29
10 Mac		12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-14	6-29
11 Mac		12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12	6-27

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

## 98 memohon untuk tunaikan haji tahun hadapan

BANDAR BRUNEI — Bah-gian Urusan Haji Jabatan Hal Ehwal Ugama setakat ini telah menerima 98 permohonan dari orang2 Islam di-daerah Brunei-Muara, yang ingin menuaikan fardhu Haji, tahun hadapan.

Lapan puluh enam dari me-nya memohon untuk pergi ka-Mekah dengan kapal laut se-mentara yang lain-nya dengan kapal terbang.

Sa-orang juruchakap Jabatan

Ugama berkata, borang2 per-mohonan, sedang di-bahagikan, dan mereka yang ingin naik Haji tahun hadapan, boleh-lah mendaftarkan nama, di-Pejabat2 Ugama, Bandar Brunei, Tutong, Belait dan Tembu-rong.

Borang2 permohonan itu hendak-lah di-kembalikan ka-Pejabat2 Ugama, yang berke-naan, tidak lewat dari 30 Jun ini.



5 Mac, 1969

## SEMANGAT BERUSAHA

**A**HLI2 persatuan peladang Kampong Luagan Dudok dalam Daerah Tutong telah menunjukkan kechekalan mereka dan menunjukkan betapa perlu-nya sa-tiap usaha itu di-sertai dengan semangat yang tidak mengenal jemu.

Semangat berusaha memang sangat2 di-perlukan dalam sa-sabuh negara yang ingin membangun terutama di-kalangan raya-nya yang memikul tanggong-jawab terhadap negara bau1 yang di-sedari mahu pun sebaiknya.

Hakikat kemajuan yang di-dukung oleh kaum tani tidaklah merupakan hakikat yang hanya tersimpan dalam chatetan sahaja atau hanya tersimpan dalam himpunan pengetahuan, tetapi praktik-nya adalah satu langkah yang mustahak.

Untuk usaha ini pula kita harus membuka mata dan meluaskan daya berfikir bagi melancarkan praktik-nya agar tidak menghadapi jalan buntu jauh sekali yang bersifat indah khabar dari rupa.

Satu chuntoh mengenai semangat berusaha ini telah dapat di-buktikan hasil-nya oleh ahli2 Persatuan Peladang Kampong Luagan Dudok yang telah bersatu padu mengusahakan tanaman padi yang luas-nya hampir2 300 ekar.

Terbit dari semangat ini mereka tidak menganggap sa-suatu yang susah itu sa-bagai gangguan, bahkan di-anggap pula sa-bagai chabaran untuk mereka berjalan terus.

Jika di-tinjau dari segi luas kawasan yang mereka usahakan itu maka akan terasa bagi kita bahawa kerja itu bukan-lah satu kerja yang rengan. Tetapi dengan ahli-nya yang hanya 65 orang itu dapat-lah mereka mengusahakan-nya yang berakhir dengan kejayaan yang di-chita2kan.

Ini ada-lah merupakan ke-nyataan bahawa walaupun pun sata kumpulan itu mempunyai ahli yang ramai, jika tidak dengan semangat ingin berusaha maka tanah sa-ekar maseh juga di-tumbohi lajang.

Kerana dari ketabahan mereka ini, Jabatan Pertanian Negara telah memberikan bantuan2 yang di-perlukan seperti memberikan bencuh2 padi yang baik dan memberikan ubat2 mengelah musoh tanaman di-samping meminjamkan jentera2 pembajak.

Di-sini satu aspek yang nyata bahawa sa-suatu yang baik itu nescaya akan mendapat dukongan yang baik juga, tetapi biar-lah yang di-dukong itu maseh di atas dan pendukung-nya tidak patuh.

Yang kita maksudkan ia-lah penjagaan terhadap satu2 benda yang di-pinjamkan itu harus-lah di-buat dengan hati2, walaupun ia-nya di-buat sa-chara sewa, kerana benda itu ada-lah kepunyaan kita bersama.



Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamad Salleh kelihatan turut serta "mengetam padi" di-ladang Kampong Luagan Dudok.

Kanak2 sedang giat turut "mengirek" padi yang kemudi-anya akan di-tumbok.



Sa-orang peladang kelihatan "menyikut lasok" yang penuh dengan padi untuk di-simpan ka-dalam "durong".



Mereka salah mula memelihara ternakan Kerbau, Kambing dan Lembu. Masa ini persatuan itu mempunyai 500 ekor kerbau, 50 ekor lembu dan 30 ekor kambing.

Awang Md. Ali juga menyatakan bahawa persatuan-nya akan mengadakan perusahaan2 dalam bidang2 ternakan dan tanaman yang lain sa-tapak demi sa-tapak sesuai dengan kemampuan mereka.



Begini-lah chara-nya kaum ibu peladang2 ketika hendak mengasingkan ampa dan padi yang akan di-tumbok. Chara ini ada-lah merlukan tiupan angin.


Sa-orang nenek tidak juga ke-inggalan dalam kerja2 meng-tem padi yang sudah menjadi kebiasaan-nya.



Ladang padi kepunyaan ahli2 Persatuan Peladang Kampong Luagan Dudok telah menarik perhatian peladang2 Kampong Buau, Ulu Belait yang kelihatan sedang mengadakan lawatan ka-ladang tersebut.



Sa-orang ibu sedang memileh bencuh2 padi yang akan di-tapam tahun depan. Bencuh padi yang sedang di-pileh itu ia-lah bencuh "padi naga".



Padi2 yang sudah di-ketam kelihatan di-jemor.

Ini-lah di-antara beberapa buah "durong" tempat menyimpan padi.

## PADI: KEJAYAAN PENDUDOK2 LUAGAN DUDOK

**A**HLI2 Persatuan Peladang Kampong Luagan Dudok dalam Daerah Tutong yang mempunyai ahli sa-ramai 63 orang telah memperolehi satu kejayaan yang di-chita2kan mereka dalam usaha tanaman padi sa-chara meluas yang lebih mendatangkan lesan.

Mereka mencapai kata sepakat dan bersatu padu mengusahakan kawasan tanah yang luas-nya 295 ekar di-kawasan perkampungan mereka yang di-pinjamkan oleh Kerajaan.

Dalam usaha itu mereka telah mencuba menanam padi jenis2 Masuri dan Malinja di-samping berbagai2 jenis padi tempatan. Jenis2 padi Masuri dan Malinja itu di-dapat mereka dari Jabatan Pertanian Negara yang juga memberikan bantuan2 baju2 dan ubat mengelah musoh2 tanaman di-samping memberikan bantuan jentera2 pembajak dengan chara-sewa.

Yang Di-Pertua Persatuan itu, Awang Md. Ali bin Haji Mokti menyatakan bahawa hasil yang di-dapat mereka pada tahun ini adalah melebihi dari yang di-dapat pada tahun lalu. Mereka telah mula menanam sa-chara meluas itu pada tahun lepas.

Tahun ini mereka memperolehi lebih dari 118,000 gantang yang berarti tiap2 satu keluarga mencukupi untuk makan sa-tahun di-samping mempunyai kelebihan untuk di-jual kepada orang ramai.

Mengenai jenis2 padi, Awang Md. Ali menyatakan bahawa pada tahun ini ada-lah merupakan tahun yang pertama mereka mencuba bencuh2 jenis Malinja dan Masuri. Menurut beliau di-antara kedua2 jenis itu Malinja-lah yang paling banyak mengeluarkan hasil dan pada tahun hadapan bencuh Malinja akan di-tanam lebih banyak lagi.

Di-samping itu, mereka juga maseh menanam jenis2 bencuh tempatan sa-perti jenis2 pusu, langsat, katek, siam, samarahan, jongkok, yadol, atau china, sambas, radin, kurba, lumut, padi pasir dan padi kerbau.

Sa-lain dari usaha mereka di-kawasan yang luas itu, sa-bilangan kecil dari mereka telah juga mengelah sa-chara kecil2an saperti di-Kampung Sentol dan di-tepi2 jalan di-Kampung Luagan Dudok.

Persatuan Peladang Kampong Luagan Dudok tidak hanya mempunyai pertanian di-bidang tanaman padi dan tanaman2 yang lain, tetapi padi dan mengurak langkah di-bidang ternakan.

Mereka salah mula memelihara ternakan Kerbau, Kambing dan Lembu. Masa ini persatuan itu mempunyai 500 ekor kerbau, 50 ekor lembu dan 30 ekor kambing.

Awang Md. Ali juga menyatakan bahawa persatuan-nya akan mengadakan perusahaan2 dalam bidang2 ternakan dan tanaman yang lain sa-tapak demi sa-tapak sesuai dengan kemampuan mereka.

## KEMPEN PENGAMBILAN REKRUT2 BARU UNTOK BERKHIDMAT DENGAN PASOKAN AMDB

BANDAR BRUNEI. — Askar Melayu Di-Raja Brunei akan melancarkan kempen mengambil orang2 baru mulai 12 Mach untuk memileh 60 orang rekrut baru untuk berkhidmat dengan regiment tersebut.

Dalam masa kempen tersebut, rombongan pengambilan orang2 baru akan melawat ka-kampong2 di-seluroh negeri.

Rombongan pengambilan orang2 baru itu akan berada di-Dewan Kemesharakatan di-Bandar Brunei pada 30 April mulai pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang untuk menjalankan temu duga, ujian2 dan pemerkosaan doktor bagi bakal2 rekrut dari Daerah Temburong dan pada pukul 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari bagi bakal2 rekrut dari kawasan luar Bandar Brunei.

Rombongan itu sekali lagi akan berada di-Dewan Kemesharakatan pada 8 Mei mulai pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang untuk menjalankan temu duga yang sama bagi bakal2 rekrut dari kawasan Bandar Brunei.

Bakal2 rekrut dari Daerah Belait akan di-terima oleh rombongan pengambilan orang baru itu di-Bilek Bachaan Penerangan di-Kuala Belait pada 11 April dari pukul 8.00 pagi hingga 3.30 petang.

Pada 18 April, rombongan pengambilan orang baru itu akan berada di-dewan Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong untuk menemu duga bakal2 rekrut dari Daerah Tutong.

Bakal2 rekrut hendak-lah

belum kahwin berumor diantara 18 dan 25 tahun dan tidak kurang dari lima kaki tinggi. Mereka juga mesti-lah ra'ayat Brunei dari salah satu puak keturunan asli Brunei dan berat badan tidak kurang dari 100 paun.

Kempen pengambilan orang2 baru itu di-jadualkan tamat pada 7 Mei hadapan.

### 13 pasokan sertai perlawan bola anjoran MBB

BANDAR BRUNEI. — Tiga belas buah Persatuan Belia telah menghantarkan permohonan mereka untuk masuk pertandingan dalam perlawan bola sepak yang di-anjarkan oleh Majlis Belia Negeri Brunei.

Sa-orang juruchakap Persatuan Pemuda Pemudi Sumbiling menyatakan tarikh penutup telah dilanjutkan untuk membolehkan lebih banyak lagi pasukan mengambil bahagian dalam perlawan itu.

Juruchakap itu berkata, persatuan2 belia yang belum lagi menghantarkan borang permohonan mereka hendak-lah menghantar-nya dengan sa-beberapa segera kapada Awang Hussain bin Pebin Orang Kaya Di-Gadong Pejabat Kewangan, Bandar Brunei atau Awang Mohamed bin Cheku di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Brunei.

*Suntekan  
tahunan  
bagi  
menchegah  
penyakit  
Kolera*

BANDAR BRUNEI. — Kempen tahunan memberikan ubat bagi menchegah penyakit kolera akan di-mulakan pada 17 Mach ini di-semua pusat suntekan, klinik dan rumah2 sakit di-seluroh negeri.

Doktor yang menggunakan pesawat helikopter juga akan memberikan suntekan itu sambil membuat lawatan kawasan2 luar bandar.

Orang2 yang menerima suntekan ubat kolera akan di-berikan sijil2 yang menandakan tarikh suntekan dan jumlah dose yang di-terima.

Kempen tersebut di-lakukan terutama kanak2 yang berumor ka atas enam bulan dan orang ramai yang telah di-suntek tidak lama dulu akan di-berikan dose booster.

Suntekan beramai2 ini di-lakukan ada-lah berikut berita2 berlaku-nya kejadian wabak kolera di-negeri2 Kedah, Malaysia Barat dan di-Republik Singapura.

### PEJABAT UKOR PINDAH

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Ukor mulai berpindah kawangan baru di-Jalan Kumbang Pasang, Bandar Brunei.

Sa-lama kira2 dua minggu, perkhidmatan 'photostat', chetak dan 'microfilem' tidak akan di-adakan dan pembekalan peta serta urusan surat menyurat dengan jabatan itu di-tanggohkan dalam masa ini.

Juru Ukor Agong, Awang N.C. Peat menyatakan duka-chita atas gangguan kepada orang ramai dan pejabat2 kerajaan yang mungkin timbul dalam masa dua minggu itu.

## Penyiasatan penyakit untut di-perluas ka-Daerah Belait

BANDAR BRUNEI. — Penyiasatan kejadian penyakit untut akan di-teruskan ka-Daerah Belait dalam bulan ini.

Satu rombongan dari Projek Penghapus Malaria akan memulakan penyiasatan di-Kampong Tunggulian pada 6 Mach esok.

Projek Penghapus Malaria telah menghantar dua rombongan ka-Daerah Belait untuk menjalankan penyiasatan di-daerah tersebut.

Mereka di-jadualkan akan menjalankan penyiasatan di-tujuh buah kampong yang ditaksirkan mempunyai 2,030 penduduk menjelang akhir bulan ini.

Gerakan menyiasat kejadian penyakit untut telah di-jalankan pertama kali-nya di-Daerah Tutong dalam bulan Jun tahun lalu berikut berita2 ada-nya kejadian penyakit tersebut di-daerah itu.

Sa-hingga bulan Disember yang lalu, projek Penghapus Malaria telah memereksa chontoh2 darah 2,689 orang dari 22 buah kampong di-daerah tersebut dan mendapat 38 orang yang mengidap penyakit tersebut.

Rawatan2 biasa dengan memberikan sa-jenis ubat telah di-jalankan dan mereka yang mengidap penyakit itu, di-ujji darah-nya tiap2 minggu bagi menentukan ubat yang di-perlukan untuk menghaluskan kuman2 untut.

Menurut Ketua Projek Penghapus Malaria, Dr. Y.T. Wu, sa-orang yang mengidap penyakit itu biasa boleh sembah dalam masa 3 atau 4 minggu tetapi mudah di-seorang kembali oleh nyamok2 yang membawa kuman untut.



Belia Sumbiling telah mengadakan perlawan2 bola sepak dengan pasukan belia USNO di-padang Labuan pada minggu lalu. Dalam perlawan pertama pasukan Sumbiling telah mengalahkan belia USNO dengan 7 gol berbalas dua. Dalam perlawan kedua mereka telah seri dengan belia USNO 'B'.

Gambar menunjukkan kedua2 pasukan bergambar rama1 sa-belum permainan di-mulakan.

# JAWATAN-JAWATAN KOSONG

## DI-PEJABAT DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan2 Kosong di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

### i) PENGARANG:

Kelayakan2:

- a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan Seberang Laut atau kelulusan yang sa-banding dengan-nya.
- b) Mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang baik.
- c) Mempunyai pengetahuan dalam hal pendidikan.
- d) Telah mengikuti kursus mengarang buku bacaan sekurang2-nya sa-lama satu tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$660 x 30 - 900. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

### ii) PENOLONG PENGARANG:

Kelayakan2:

- a) Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang sa-banding dengan-nya.
- b) Mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang baik dalam hal mengarang makalah dan cherita pendek.
- c) Berpengalaman dalam kerja2 Majalah dan akbar sa-lama sekurang2-nya dua tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 — \$380 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

### iii) PENYEMAK:

Kelayakan2:

- a) Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang berkelulusan Sijil Persekolahan Menengah yang mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu.
- b) Mempunyai pengalaman dalam hal ehwal pekerjaan menyemak sekurang2-nya sa-lama satu tahun; atau
- c) Mempunyai kelulusan yang sa-banding dengan-nya dan berpengalaman dalam hal ehwal perchetakan atau penerbitan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 — \$380 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

### iv) PENOLONG PEGAWAI ISTILAH:

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang berkelulusan Si-jil Persekolahan Menengah yang mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu.

- a) Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Menengah yang mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu.
- b) Mempunyai pengalaman dalam hal ehwal perpus-takaan sa-lama sekurang2-nya dua tahun; dan
- c) Mempunyai pengetahuan atau pernah mengikuti kursus dalam hal perpus-takaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 — \$380 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

### v) PEMBANTU PERPUSTAKAAN:

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Menengah yang mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu.

- a) Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Menengah yang mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu.
- b) Mempunyai pengalaman dalam hal ehwal perpus-takaan sa-lama sekurang2-nya dua tahun; dan
- c) Mempunyai pengetahuan atau pernah mengikuti kursus dalam hal perpus-takaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 — \$380 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

### vi) ATENDAN PERPUSTAKAAN:

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Menengah yang mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu.

- a) Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Menengah yang mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu.
- b) Mempunyai pengalaman dalam hal ehwal perpus-takaan sa-lama sekurang2-nya dua tahun; dan
- c) Mempunyai pengetahuan atau pernah mengikuti kursus dalam hal perpus-takaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB 3 — \$200 x 10 - 270/EB/280 x 10 - 330.

Permohonan2 yang mesti dipohon di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari pada 20 Mach, 1969.

jil Persekolahan Seberang Laut/Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris atau mempunyai kelayakan2 yang sa-banding dengan-nya. Mereka yang mempunyai pengalaman dalam bidang Istilah sa-lama dua tahun, sa-bagai tambahan kapada kelayakan2 yang di-kehendaki, akan di-beri keutamaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 — \$380 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

### v) PEGAWAI ISTILAH:

Kelayakan2:

- a) Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Persekolahan Mene-ngh atau yang sa-banding dengan-nya.
- b) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam Bahasa Melayu.
- c) Mempunyai pengetahuan dalam selok belok bahasa Inggeris dan Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$660 x 30 - 900. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

### vi) PEGAWAI PERPUSTAKAAN:

Kelayakan2:

- a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan Tingkatan III Sekolah Menengah.
- b) Mempunyai pengalaman dalam hal ehwal perpus-takaan sa-lama sekurang2-nya dua tahun; dan
- c) Mempunyai pengetahuan atau pernah mengikuti kursus dalam hal perpus-takaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 — \$380 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

### vii) PEMBANTU PERPUSTAKAAN:

Kelayakan2:

- a) Pemohon2 mesti-lah orang Melayu dan ra-yat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang ber-hak di-daftarkan sedemikian.
- b) Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya telah menjalani Tingkatan III di-Sekolah Menengah.
- c) Mempunyai bakat untuk pekerjaan ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1 EB 2 — \$210 x 10 - 260/EB/270 x 15 - 360. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

### viii) ATENDAN PERPUSTAKAAN:

Kelayakan2:

- a) Pemohon2 hendak-lah orang Melayu dan ra-yat D.Y.M.M.

## SA-BAGAI PENGHANTAR SAMAN BAILIP MAHKAMAH

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalun2 yang terdiri dari ra-yat atau mereka yang ber-hak di-daftarkan sa-bagai ra-yat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan sebagai Penghantar Saman/Bailip Mahkamah, di-Jabatan Kehakiman, Kuala Belait dan Bandar Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah VI dalam Sekolah Melayu dan Darjah IV dalam Sekolah Inggeris. Pemohon2 yang tidak mempunyai kelayakan2 yang tersebut, tetapi telah ber-hak mat tidak kurang daripada lima tahun di-dalam Perkhidmatan Kerajaan sa-bagai

Sultan atau yang ber-hak di-daftarkan sedemikian.

- b) Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya telah menjalani Tingkatan III di-Sekolah Menengah.

- c) Ada mempunyai bakat untuk jawatan ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$200 x 10 - 270/EB/280 x 10 - 330. Gaji permulaan mengikut kelayakan2 dan pengalaman.

### ix) JURU GAMBAR:

Kelayakan2:

- a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan Sekolah Menengah atau yang sa-banding dengan-nya.
- b) Mempunyai bakat, pengalaman dan kebolehan dalam hal menggambar; atau
- c) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang disebutkan dalam (a) tetapi mempunyai bakat, pengalaman dan kebolehan dalam hal penggambaran yang istimewa akan di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2 EB 4 — \$210 x 10 - 270 x 15 - 360 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan mengikut pengalaman dan kelayakan.

### x) SHARAT LANTEKAN:

Pemohon2 yang berjaya yang bukan dari ra-yat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubaan sa-lama 6 bulan. Pemohon2 yang berjaya yang terdiri dari ra-yat D.Y.M.M. Sultan Brunei atau ber-hak di-daftarkan sedemikian akan di-lantek ka-jawatan tetap selepas satu tempoh perhubaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berhakidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

### CHUKAI PENDAPATAN:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1969.

Permohonan2 yang mesti dipohon di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1969.

Permohonan2 yang mesti dipohon di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1969.

Permohonan2 yang mesti dipohon di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1969.

Permohonan2 yang mesti dipohon di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1969.

Permohonan2 yang mesti dipohon di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1969.

Permohonan2 yang mesti dipohon di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1969.

Permohonan2 yang mesti dipohon di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1969.

Permohonan2 yang mesti dipohon di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1969.

Permohonan2 yang mesti dipohn di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1969.

Permohonan2 yang mesti dipohn di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1969.

Permohonan2 yang mesti dipohn di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1969.

Permohonan2 yang mesti dipohn di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1969.

## Sa-bagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat II di-Pejabat Daerah, Tu-ton. Pemohon2 mesti-lah terdiri dari ra-yat atau yang ber-hak di-daftarkan sa-bagai ra-yat D.Y.M.M. Sultan.

### Kelayakan2 dan Pengalaman:

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon:

- a) Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya lulus Darjah IV Sekolah Melayu dan mestilah berumur di-antara 18 dan 35 tahun.
- b) Mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sa-lama sekurang2-nya 3 tahun serta boleh memperbaiki sebarang kerrosakan kecil bagi jentera motor sangkut.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$180x5-220.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantar kan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mach, 1969.

## Sa-bagai Pegawai Pendaftar

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenohi jawatan sa-bagai Pegawai Pendaftar Negara di-Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

### Gaji:

Dalam sukatan gaji D3 EB 4/C.2 — \$380x20 - 480/EB/ 500x20 - 620/\$660x30 - 900.

### Kelayakan2:

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 yang tersebut di-bawah ini sahaja di-kehendaki memohon:

- a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan Form II Sekolah Inggeris.
- b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman di-dalam perkhidmatan2 kerajaan sekurang-nya 5 tahun.
- c) Pemohon2 mesti-lah sanggop bertugas di-mana2 daerah di-negeri ini.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantar kan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mach, 1969.

# UPACHARA PERPISAHAN KA-ATAS DATO BURROWS

**BERAKAS** — Satu upachara perpisahan telah di-adakan di-khemah Askar Melayu Di-Raja Brunei pagi semalam kerana menguchapkan selamat belayar kapada Lt. Colonel Dato Seri Laila Jasa H.F. Burrows, Pegawai Pemerentah Askar Melayu Di-Raja Brunei yang telah menamatkan tempoh perkhidmatan-sa-lama dua tahun tujuh bulan.

Beliau akan memegang jawatan staff di-Kementerian Pertahanan, di-England.

Jawatan beliau sa-bagai pemerentah di-gantikan oleh Lt. Colonel J.J.H. Simpson yang telah memulakan tugas-nya pada 1 Mach lepas.

Upachara itu telah di-adakan dengan barisan perajurit2 di-kiri kanan jalan dari rumah beliau hingga ka-landasan pesawat helikopter dan perajurit2 itu berdiri tegak ketika kenderaan yang membawa beliau itu melalui barisan tersebut.

Sa-belum Lt. Colonel Dato Seri Laila Jasa H.F. Burrows menaiki pesawat helikopter yang membawa beliau ka-Kota Kinabalu beliau telah berjabat salam dengan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan selaku Colonel-in-Chief Askar Melayu Di-Raja Brunei yang menguchapkan selamat berangkat kapada beliau.

Turut menguchapkan selamat jalan kapada beliau ia-lah Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Paduka Awang Md. Taib.

Sa-belum itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar telah mengadakan majlis perpisahan kapada beliau dan menguchapkan selamat datang kapada Pegawai Pemerentah yang baru, Lt. Colonel J.J.H. Simpson.

Majlis itu di-langsungkan di-Rumah Jerambak, Jalan Gadong pada malam hari Ahad lepas dengan di-hadiri oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Paduka Awang Md. Taib, Ketua2 pejabat, pegawai2 tentera dan pulis.

Dalam majlis itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar telah menghadiahkan satu chenderamata yang merupakan sa-bilah keris yang mempunyai tanda Panji2 Negeri Brunei kapada Dato Burrows.

Lt. Colonel, Dato Seri Laila Jasa H.F. Burrows mula bertugas sebagai pegawai pemerentah AMDB dalam bulan Julai, 1966 ketika As-



Lt. Col. J.J.H. Simpson.

kar Melayu Di-Raja Brunei berusia lima tahun.

Sa-belum tiba di-Brunei, Dato Burrows telah berkhidmat di-Burma dan India dalam tahun 1942 dan beliau telah juga berkhidmat di-Malaya semasa dharurat dan di-Sabah dan Sarawak semasa dalam konfrantasi.

Beliau juga pernah menjadi jurulatih di-Sekolah Kadet Pegawai di-Eaton Hall, England sa-lama dua tahun.

Dalam satu sidang akhbar baru2 ini, Dato Burrows telah melahirkan kesedehan-nya kerana meninggalnya regimen itu yang di-sifatkan sa-bagai keluarga-nya.

Beliau juga menguchapkan terima kasih kepada akhbar2 di-negeri ini kerana perkhidmatan-nya semasa beliau memegang jawatan pemerentah itu.

Lt. Colonel Simpson yang akan menggantikan Dato Burrows mulai berkhidmat dalam tentera dalam tahun 1945 apabila beliau menyertai Coldstream Guards dan menerima tauliah-nya dalam pasukan Gordon Highlanders sa-tahan ke-mudian. Beliau pernah berkhidmat di-Jerman, Cyprus, Malaya dan Borneo.



Gambar atas menunjukkan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temanggong (kanan) dengan di-iringi oleh Pegawai Daerah Belait, Pg. Dato Paduka Momin (tengah) dan Y.A.M. Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar, Pg. Haji Mohamad (kiri) ketika melawat ka-Labi.

## 175 pemohon2 guru pelateh di-temuduga

**BANDAR BRUNEI** — Sa-ramai 175 orang chalun yang memohon untuk memasuki latehan perguruan sa-lama tiga tahun di-Maktab Perguruan Brunei telah di-temuduga oleh tiga orang pegawai pelajaran pada minggu lalu.

Penyusun Latehan Perguruan, Awang A.D. Bumford menyatakan dari jumlah itu hanya 75 orang akan di-pileh untuk mengikuti kursus tersebut.

Mereka yang di-pileh akan mengikuti latehan dalam dua bahasa perantaraan ia-itu bahasa Melayu dan Inggeris. Dua buah kelas akan di-tempatkan di-Sekolah Melayu Menengah Pertama dan sa-buah di-Maktab Sultan Omar Ali Saifudin.

Sa-masa menjalani latehan guru2 pelateh akan menerima alaon \$180.00 sa-bulan bagi tahun pertama dan kedua dan \$190.00 dalam tahun ketiga.

Jika mereka tinggal di-asrama, alaon mereka akan di-potong sa-banyak \$60.00 tiap2 bulan.

Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof sedang menyampaikan chenderamata yang di-dalam-nya terdapat sa-bilah keris yang mempunyai tanda Panji2 Negeri Brunei kapada Dato Burrows.

**LABI, ULU BELAIT** — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temanggong Shahbandar Sahibol Bahar telah melawat ka-Labi dan ka-lain2 tempat di-Ulu Belait pada hari Sabtu 1 Mach lepas.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temanggong Shahbandar Sahibol Bandar, Pengiran Haji Mohamad; Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail dan beberapa orang Pegawai Kerajaan.

Pada masa lawatan itu, Penghulu2, Ketua2 Kampong dan ramai penduduk2 di-Ulu Belait telah berkesempatan menziarahi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temanggong.

## Makmal sains

### utk. sekolah Arab

**BANDAR BRUNEI** — Sekolah Menengah Arab Hassanul Bolkiah, di-Bandar Brunei, akan mempunyai sa-buah bilik makmal, bilik2 sharaan dan pelajaran umum, apabila pembinaan bangunan yang menelan belanja lebih dari \$572.000 itu di-jadualkan siap dalam bulan September tahun ini.

Kerja2 permulaan bagi pembinaan bangunan itu, sedang berjalan lancar.

Sekolah Menengah Arab Hassanul Bolkiah, juga memberikan mata pelajaran bahasa Inggeris, sains ilmu kira2 dan lain2 perkara yang penting, untuk melengkapkan murid-nya memasuki ka-mana2 universiti.

